

## SIDANG REDAKSI

Pengarang Kumpulan BH  
Khairul A. Majid

Pengarang Eksekutif Kanan  
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif Komersial dan  
Ehwal Semasa  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Eksekutif Berita dan Digital  
M Thillinadan

Pengarang Eksekutif Pengeluaran  
Azhar A. Samah

Pengarang Kandungan BM  
Vertikal Pendidikan  
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan  
Mohd Zin Mohd Ali  
Basir Zahrom

Wartawan  
Nor Azma Laila  
Nas Norziela Nasbah  
Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Eksekutif  
Mohd Hakim Ismail  
Mohd Zainudin Ismail

Illustrator  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan  
Tel: 1300226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan  
Tel: 1300226787 samb 5108  
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN  
Jabatan Pengedaran dan Jualan  
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur  
E-mel: educationNSD@  
mediaprime.com.my  
Samb: 7755  
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my atau  
Balai Berita,  
31, Jalan Riong, 59100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

# UA perlu tawarkan program dinamik

## Pastikan graduan sentiasa relevan, penuhi kehendak industri

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Masalah pengangguran dalam kalangan graduan di negara ini tidak pernah berkesudahan sehingga menuntut ramai graduan membuat pekerjaan di luar bidang kelulusan masing-masing.

Ada juga pihak yang menyalahkan kerajaan kerana tidak menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi kepada masyarakat dan tidak kurang juga yang menuing jari kepada pihak universiti dan graduan itu sendiri.

Ramai yang berpendapat perka-ra itu berlaku kerana ketidakpadanan kelulusan dengan permintaan dalam industri dan sejauh mana program akademik yang ditawarkan di universiti awam (UA) benar-benar mengikut keperluan industri turut menjadi persoalan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan, berkata sudah tentu tujuan utama universiti adalah untuk menawarkan program pengajian yang mengikut keperluan industri supaya memberi impak kepada graduan, masyarakat dan negara itu sendiri.

Katanya, UPM meletakkan sekurang-kurangnya lima penasihat industri bagi setiap program pengajian yang ditawarkan supaya mereka dapat memberi maklumat sama ada program yang ditawarkan itu berdaya saing atau tidak, diperlukan dalam pasaran pekerjaan dan menepati kehendak industri.

"Penasihat industri yang dijemput ini pula bukan calang-calang sebaliknya membabitkan nama besar dalam bidang masing-masing untuk memastikan graduan kita sentiasa relevan dan mampu menuhi kehendak industri."

"Meskipun begitu, perubahan teknologi yang terlalu pantas dalam industri pada hari ini me-

Prof Dr M Iqbal Saripan



Prof Dr Mohamad Kamal Harun




Prof Dr Noor Azizi Ismail

nuntut pihak universiti untuk turut sama berubah dengan cepat supaya program pengajian yang ditawarkan itu lebih bersifat dinamik," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Jika sebelum ini, semakan terhadap kurikulum dan kandungan pengajian dibuat selama lima tahun sekali tetapi perubahan pantas dalam industri menyebabkan ada keperluan supaya ia disemak enam bulan atau setahun sekali.

Prof M Iqbal berkata, bagi menawarkan satu program baharu yang mengikut kehendak industri, beberapa proses perlu dilakukan termasuklah membuat kertas konsep dan kajian pasaran,



mendapatkan kelulusan senat dan menubuhkan jawatankuasa program pengajian.

"Melalui penubuhan jawatankuasa program pengajian ini, pihak industri akan dilantik untuk kita dapatkan pandangan dan maklumat mengenai kandungan kurikulum yang akan dimuatkan dalam program akademik itu ke-lak.

"Kesemua proses itu boleh di-siapkan dalam tempoh enam bulan tetapi tempoh untuk menawarkan program pengajian buat pertama kali agak mengambil masa kerana ia ditawarkan pada pengambilan setiap September," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Mohamad Kamal Harun, berkata universiti sentiasa mengenal pasti dan membentuk semula program akademik dengan memastikan terdapat hubungan berterusan dengan pihak berkepentingan iaitu masyarakat, industri dan badan pemerintah.

Katanya, perbincangan meja bulat, pembabitan projek berasaskan industri, seminar dan program mobiliti memberikan maklumat yang diperlukan dalam membantu mengkaji semula kurikulum semasa serta pembangunan program baharu supaya relevan dengan keperluan industri.

"Universiti mengambil kira beberapa faktor dalam membuat penilaian sama ada satu program pengajian atau kursus itu sudah tidak relevan dengan keperluan industri semasa.

"Keputusan untuk menghentikan taruhan sesetengah program tidak diambil ringan dan pelbagai faktor dipertimbangkan melalui mekanisme yang dibangunkan iaitu Indeks Daya Saing Program Akademik (IDSPA) yang mengukur parameter seperti kebolehpasaran siswazah, populariti program, pendaftaran pelajar, trend dan keperluan serta permintaan program berdasarkan data tenaga

kerja nasional dan global," kata-nya.

Beliau berkata, indeks berkenaan akan menunjukkan kemungkinan sama ada program itu perlu dijenamakan semula, diganti atau digabungkan ke dalam program yang berkaitan serta dihentikan penawarannya.

"Universiti kini merancang semula program akademik dengan mewujudkan program yang bersifat merentas disiplin pengajian atau hibrid kerana ia adalah strategi yang paling relevan dengan trend industri semasa dan keperluan global.

"Bagi mencipta program baharu yang selaras dengan keperluan industri, ia mengambil masa kir-a-kira sembilan hingga 18 bulan termasuklah proses mendapatkan kelulusan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan membuat penawaran buat kali pertama," katanya.

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Dr Noor Azizi Ismail turut sepakat bahawa program yang sedia ada di pusat pendidikan perlu diubah suai supaya relevan dengan permintaan industri.

Katanya, UMK bersedia dan terbuka ke arah itu kerana UA perlu bijak menyuntik elemen tambahan dalam kurikulum program akademik yang ditawarkan supaya graduan yang dihasilkan mereka mempunyai banyak kemahiran.

"Selain menyemak dan mengubah suai program akademik, UMK turut mengambil inisiatif menyediakan pelbagai program pintar bagi mewujudkan ekosistem yang menyokong budaya keusahawanan di ketiga-tiga kampus melalui sokongan pengurusan tertinggi universiti.

"Kelemahan graduan dalam aspek komunikasi terutama penggunaan bahasa Inggeris selain pemikiran kritis yang menyumbang kepada kadar pengangguran graduan ketika ini juga turut perlu diambil kira," katanya.